

27 SEP 1997

Mahathir-Anugerah

MAHATHIR DIANUGERAKAN PENGHORMATAN TERTINGGI CUBA OLEH CASTRO

Oleh: Syed Jamil Jaafar

HAVANA, 27 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dianugerahkan Order of Jose Marti, anugerah tertinggi Cuba, oleh Presiden Fidel Castro pada Jumaat kerana komitmennya terhadap menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan.

Majlis penyampaian anugerah itu diadakan pada satu jamuan negara di Revolution Palace sebagai meraikan Perdana Menteri sempena lawatan rasmi tiga harinya yang pertama ke negara kepulauan Carribean itu yang mempunyai 12 juta penduduk.

Dalam ucapan yang dibacakan pada majlis itu, Dr Mahathir dipuji sebagai negarawan ulung yang telah menunjukkan komitmen besar terhadap pembangunan negara-negara Selatan.

Beliau juga dipuji kerana membawa pelbagai kemajuan dalam pembangunan Malaysia sejak 16 tahun kepimpinannya.

Order of Jose Marti diwujudkan atas nama Jose Marti, pengasas parti Revolusi Cuba pada 1892 yang memperjuangkan kemerdekaan bagi Sepanyol. Anugerah itu diberikan kepada pemimpin-pemimpin asing kerana sumbangan cemerlang mereka dan atas dasar persahabatan dengan Cuba.

Dr Mahathir dalam ucapan penerimaannya berkata negara-negara Selatan harus bersama membina satu barisan yang padu untuk menghadapi pelbagai cabaran yang mendatang.

"Kita dihadapkan dengan keadaan yang pesat berubah dengan suasana politik dan ekonomi sejagat yang jarang sensitif terhadap keperluan tertentu dan kepentingan kita," katanya.

"Dengan trend ke arah globalisasi dan liberalisasi ekonomi dunia semakin meningkat, kita harus belajar bukan sahaja untuk menyesuaikan dan menerima perkembangan sedemikian tetapi juga untuk menangani penekanan pelbagai syarat yang dikenakan oleh mereka yang mempunyai kuasa dan pengaruh.

"Yang kaya dan berkuasa terus memerintah dan cuba menguasai."

Dr Mahathir berkata selagi negara-negara Selatan lemah dan tidak berupaya secara individu, mereka perlu membentuk perpaduan dan dengan kekuatan bersama mereka dapat memperjuangkan hak untuk membentuk dasar dan keputusan yang membabitkan kehidupan mereka sendiri.

Di mana yang mungkin, dalam Pergerakan Berkecuali dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, negara-negara membangun harus bersuara terhadap ketidakadilan dan tidak membiarkan diri mereka diperintah.

"Gawang sasaran tidak harus dibiarkan diubah setiap kali semata-mata bagi faedah yang kaya dan berkuasa," katanya.

Dr Mahathir turut memberikan penghormatan terhadap Castro, menyifatkannya sebagai penjelmaan seorang pemimpin yang dalam walaupun keadaan terus teguh dalam perjuangannya membawa kemajuan dan pembangunan bagi negaranya.

Perdana Menteri yang tiba di sini pada petang Khamis diberikan sambutan rasmi di Revolution Palace pada pagi Jumaat.

Beliau mengadakan perbincangan empat mata dengan Castro diikuti pertemuan antara delegasi yang membawa kepada penandatanganan tiga perjanjian mengenai pemansuhan visa, penggalakan perdagangan dan perlindungan pelaburan.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu mendatangi perjanjian itu bagi pihak Malaysia sementara Cuba diwakili Menteri Perdagangan Luarnya Ricardo Cabrisas. -- BERNAMA

SJ RON